

Jual arak bebas cukai tunjukkan dasar sebenarnya Kelantan — PM

24 OCT 1992

MAHATHIR 23 Okt. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan Kerajaan Kelantan yang mungkin akan membenarkan penjualan arak di sebuah kedai bebas cukai yang akan didirikan di negeri ini menunjukkan bahawa itulah sebenarnya dasar mereka.

Dr. Mahathir berkata, dasar yang dinyatakan kepada orang ramai sebelum ini adalah berlainan, tetapi dasar yang akan

dilaksanakan sekarang . . . itulah yang sebenarnya. **[Lagi berita dan gambar-gambar di Muka 2].**

Beliau berkata demikian ketika ditanya oleh pemberita berhubung laporan sebuah akhbar hari ini yang menyatakan Kelantan mengakui ia sedang menimbang untuk membenarkan sebuah syarikat bebas cukai menjual arak di kedai bebas cukai yang akan didirikan di Rantau Panjang.

Dalam perkembangan lain beliau mengingatkan kerajaan negeri supaya jangan menggunakan wang yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat untuk mendapatkan pengaruh rakyat Kelantan.

Katanya, penentuan yang disalurkan sebelum ini bukan untuk kerajaan negeri, tetapi kepada rakyat Kelantan, kerajaan itu hanya mentadbir saha-

MHAT MUKA 2

JUAL ARAK BEBAS CUKAI TUNJUKKAN DASAR SEBENAR KELANTAN - PM

ja.

"Saya harap kerajaan negeri jangan menggunakan wang itu untuk mendapatkan pengaruh rakyat... kerana duit itu datang dari Pusat," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, Kerajaan Pusat sentiasa bersikap adil, tetapi mereka (kerajaan negeri) yang mencari peluang politik.

"Mereka berkata, tidak mendirikan kerajaan Barisan Nasional

(BN) pun dapat duit juga," katanya yang mengulas kenyataan beberapa pihak di negeri ini yang berkata kerajaan Pas tidak akan jatuh muflis kerana Pusat tetap menyalurkan bantuan kewangan yang besar setiap tahun.

Dr. Mahathir berkata, yang ingin dilihat oleh rakyat Kelantan yang tidak berdosa pada masa ini ialah layanan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain.